

# HADIAH

**PERTAMA** RM2500.00 dan sijil penghargaan

**KEDUA** RM2000.00 dan sijil penghargaan


**KETIGA** RM1000.00 dan sijil penghargaan

**PENGHUJAH TERBAIK** RM200.00 dan sijil penghargaan

\* setiap peserta akan diberikan sijil penghargaan

## YURAN PENYERTAAN

Yuran penyertaan sebanyak **RM300.00** hendaklah dibayar sebelum atau pada 28 September 2017 melalui:



◆ **Pindahan Dana Elektronik (EFT)**

Nombor akaun : 1402 3010 0180 02

Nama bank : Bank Islam Malaysia Berhad

Nama akaun : Dewan Bahasa dan Pustaka

◆ **Cek atas nama Dewan Bahasa dan Pustaka**

◆ **Borang penyertaan berserta bukti pembayaran hendaklah dihantar kepada:**

ppmoofsu@gmail.com (**Kategori A**)

vanimalar@malaysianbar.org.my (**Kategori B**)

atau

Faksimile: 06-798 8530 (**Kategori A**)

03-2032 2043 (**Kategori B**)

# BORANG PENYERTAAN

NAMA INSTITUSI/BADAN PEGUAM NEGERI:

NAMA AHLI KUMPULAN

NO. KAD PENGENALAN

NAMA AHLI KUMPULAN	NO. KAD PENGENALAN

NAMA PEGAWAI PENGIRING:

ALAMAT SURAT-MENYURAT:

NO. TELEFON:

ALAMAT E-MEL:

Sebarang pertanyaan sila hubungi:  
Noor Azlin Hamzah: 06-798 8518 (USIM)  
Vanimalar: 03-2050 2100 (MPM)  
Rafiq: 03-2147 9799 (DBP)



## PERTANDINGAN PERBICARAAN MAHKAMAH OLOK-OLOK PERINGKAT KEBANGSAAN 2017

**11 - 12 NOVEMBER 2017 (SABTU DAN AHAD)  
FAKULTI SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG,  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA,  
BANDAR BARU NILAI,  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.**



## LATAR BELAKANG

Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di Malaysia telah diperuntukkan dengan jelas di bawah Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Sebagai undang-undang utama Negara, Perlembagaan menjadi tonggak dan kayu ukur bagi semua undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen, Dewan-dewan Undangan Negeri dan segala dasar kerajaan.

Penggunaan bahasa kebangsaan di mahkamah telah ditegur oleh pelbagai pihak sebagai tidak memuaskan. Bekas Ketua Hakim Negara, Tun Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim pernah menyatakan bahawa penggunaan bahasa di mahkamah tidak sempurna kerana bercampur antara bahasa kebangsaan dengan bahasa Inggeris.

Seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan Pindaan (1990) memeruntukkan bahawa:

“Segala prosiding (melainkan keterangan yang diberi oleh saksi) dalam Mahkamah Agung, Mahkamah Tinggi atau mana-mana Mahkamah Rendah hendaklah dijalankan dalam bahasa kebangsaan”.

Susulan daripada itu, Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai sebuah agensi perancangan bahasa yang unggul mengambil inisiatif untuk melaksanakan Pertandingan Perbicaraan Mahkamah Dlok-dlok Peringkat Kebangsaan sebagai usaha memartabatkan bahasa Melayu dalam bidang perundangan dan kehakiman negara. Tahun ini merupakan tahun kedua acara ini diadakan dengan mendapat kerjasama erat daripada Majlis Peguam Negara dan Universiti Sains Islam Malaysia.

## OBJEKTIF

- ◆ Memartabatkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dalam bidang kehakiman dan undang-undang di negara ini.
- ◆ Meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan peguam muda, pelatih dalam kamar dan pelajar undang-undang Universiti Awam dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta.
- ◆ Memberi ruang kepada peserta untuk berhujah berdasarkan fakta yang tepat dan betul dengan menggunakan bahasa kebangsaan.

## TERMA DAN SYARAT PENYERTAAN

- ◆ Secara umumnya, perbicaraan akan diadili dari aspek bahasa (40%), pengendalian perbicaraan (30%) dan isi (30%). Memandangkan pertandingan ini ialah pertandingan perbicaraan dalam bahasa Melayu, maka fokus utama pemarkahan adalah penggunaan istilah undang-undang dalam bahasa Melayu.

## KATEGORI

Pertandingan terbahagi kepada dua (2) kategori, iaitu:

### Kategori A

- ◆ Terbuka kepada semua pelajar prasiswazah undang-undang institusi awam atau swasta.
- ◆ Setiap institusi dihadkan menghantar maksimum **dua (2) pasukan** sahaja.
- ◆ Terhad kepada 15 pasukan terawal mendaftar sahaja.

### Kategori B

- ◆ Terbuka kepada pelatih dalam kamar (pupil in chambers) dan peguam muda (maksimum dua tahun pengalaman).
- ◆ Setiap Badan Peguam Negeri dihadkan menghantar **satu (1) pasukan** sahaja.
- ◆ Terhad kepada sembilan pasukan terawal mendaftar sahaja.
- ◆ Tiga (3) mata kredit Skim Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) akan diberikan kepada setiap peserta. Kod CPD: T3/1112112017/BC/BC72619/3.

## TARIKH-TARIKH PENTING

Tarikh Buka Penyertaan	28 Ogos 2017
Tarikh Tutup Penyertaan	28 September 2017
Tarikh Tutup Pertanyaan Lanjutan	5 Oktober 2017
Tarikh Pengundian Kumpulan	11 Oktober 2017
Tarikh Pertandingan	11-12 November 2017